

**78 Peratus Projek NKRA Untuk Sarawak Sudah Dilaksana-Uggah  
Bernama  
5 Mac, 2012**

TEBEDU (SARAWAK), 5 Mac (Bernama) -- Hampir 78 peratus daripada 312 projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sejak dua tahun lalu di bawah program tinjauan mesra rakyat telahpun dilaksana di Sarawak setakat ini.

Menteri Alam Sekitar dan Sumber Asli Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata daripada jumlah tersebut hampir 30 peratus telahpun siap mengikut jadual yang dirancang melibatkan kos keseluruhan projek RM2.2 bilion (312 projek).

"Pelaksanaan projek tersebut membuktikan kerajaan 'walk the talk' (mengotakan janji) dan ia bukan cakap kosong sahaja dan kita di Sarawak amat berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memahami masalah kita di Sarawak," katanya kepada pemberita selepas melawat projek bekalan air luar bandar di sini Isnin.

Beliau yang bertanggungjawab memantau projek tinjauan mesra Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berkata 28 peratus lagi projek kini dalam proses tender dan penilaian dan ia akan dilaksana di bawah pelan pusingan kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Menurutnya kerajaan akan terus memantau semua projek yang telah diumumkan oleh kerajaan untuk memastikan ia dilaksana seperti yang telah dirancang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650007>